

## **FAKTOR SABAH, SARAWAK DAN JOHOR DALAM PEMBENTUKAN KERAJAAN PUSAT MALAYSIA: ANALISIS PILIHANRAYA UMUM KE-13 DAN KE-14**

***SABAH, SARAWAK AND JOHORE FACTORS IN THE FORMATION OF MALAYSIAN FEDERAL GOVERNMENT: AN ANALYSIS OF THE 13TH AND 14TH GENERAL ELECTIONS***

**Prof. Madya Dr. Mohd. Noor Mat Yazid**

Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Email: mohdnoor@ums.edu.my

**Accepted date:** 14-11-2018

**Published date:** 17-03-2019

**To cite this document:** Mat Yazid, M. N. (2019). Faktor Sabah, Sarawak dan Johor dalam Pembentukan Kerajaan Pusat Malaysia: Analisis Pilihanraya Umum Ke- 13 dan Ke- 14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4 (14), 87-96.

**Abstrak:** Artikel ini membincangkan faktor pencapaian anggota parlimen yang dicapai oleh negeri Sabah, Sarawak dan Johor dalam pilihanraya umum ke-13 dan ke-14 dan hubungannya dengan pembentukan kerajaan pusat. Sejauhmanakah tiga buah negeri ini mempunyai hubungan dan pengaruh yang besar terhadap penentuan parti politik manakah yang akan berjaya membentuk kerajaan pusat? Mengapa tiga buah negeri ini dianggap penting dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap parti politik manakah yang mampu membentuk kerajaan persekutuan? Kajian ini menggunakan data-data sekunder berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada keputusan sebenar pilihanraya umum, bukannya perubahan anggota yang berlaku selepas keputusan (anggota yang lompat parti dan seumpamanya). Kajian ini mendapati bahawa anggota parlimen dan keputusan yang dicapai di tiga buah negeri ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap pembentukan kerajaan pusat. Ini kerana tiga buah negeri ini adalah antara tiga buah negeri yang mempunyai bilangan kawasan parlimen yang besar. Kekuatan BN berjaya membentuk kerajaan pusat dalam pilihanraya umum ke-13, 2013 adalah kerana sumbangan besar jumlah parlimen daripada tiga buah negeri ini. Keadaan berubah apabila tiga buah negeri telah berubah dalam pilihanraya umum ke-14 kepada berpihak kepada parti politik bukan BN. Parti komponen BN gagal mempertahankan kedudukannya di tiga buah negeri ini sebagaimana sebelum Pilihanraya Umum ke-14. Kemenangan besar anggota parlimen Pakatan Harapan dalam Pilihanraya Umum ke-14, 2018 menyumbang kepada kemenangan PH secara keseluruhan dan kegagalan BN mempertahankan kuasa kerajaan pusat. Kedudukan tiga buah negeri ini dilihat penting dalam menentukan parti politik yang akan menguasai kerajaan pusat.

**Kata Kunci:** Kerajaan Pusat, Sabah, Johor, Sarawak, Anggota Parlimen, Pakatan Harapan, Barisan Nasional.

**Abstracts:** This article discusses the achievement of the member of parliaments in Sabah, Sarawak and Johore in the 13<sup>th</sup> and 14<sup>th</sup> General Elections (GE) and the relationship with the formation of Federal government. To what extent these three states are responsible and have a great influence in determining which political party could form the Federal government? Why these three states are considered important and have great influence in determining the secured formation of federal government? This study used secondary data, based on the General Election's result of 13 and 14 General Elections which were first officially released. This study found that the achievement of the members of parliament in the three states have strongly influence in determining which political party that could form the federal government with secured majority. These three states have the big number of parliamentary seats compared to the other states. The Barisan Nasional had sufficient majority in forming Federal government through 13<sup>th</sup> GE in 2013 because of the great contribution from these three states. The position of BN changed after 14<sup>th</sup> GE when the voters turned to non-Barisan Nasional political party (Pakatan Harapan). The success of the Pakatan Harapan in the 14<sup>th</sup> GE because of the changes support to BN from the voters from these three states. The support and political position of the three states (Sabah, Sarawak and Johore) is important in determining which political party could have ability and sufficient majority in forming the Federal government.

**Keywords:** Federal Government, Sabah, Johor, Sarawak, Members of Parliament, Pakatan Harapan, Barisan Nasional

---

## Pengenalan

Bilangan anggota parlimen yang mengusai negeri Sabah, Sarawak dan Johor mempunyai hubungan rapat dengan kekalahan kerajaan BN mempertahankan kerajaan pusat selepas pilihanraya umum ke-14, 2018. Artikel ini membincangkan faktor pencapaian anggota parlimen yang dicapai oleh negeri Sabah, Sarawak dan Johor dalam pilihanraya umum ke-13 dan ke-14 dan hubungannya dengan pembentukan kerajaan pusat oleh parti komponen Barisan Nasional. Sejauhmanakah tiga buah negeri ini mempunyai hubungan dan pengaruh yang besar terhadap parti politik yang manakah yang akan berjaya membentuk kerajaan pusat? Mengapa tiga buah negeri ini dianggap penting dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap parti politik yang mampu membentuk kerajaan persekutuan? Kajian ini menggunakan data-data sekunder berasaskan keputusan yang diperolehi daripada keputusan sebenar pilihanraya umum, bukannya perubahan anggota yang berlaku selepas keputusan (anggota yang lompat parti dan seumpamanya). Kajian ini mendapati bahawa anggota parlimen dan keputusan yang dicapai di tiga buah negeri ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap kerajaan pusat. Ini kerana tiga buah negeri ini adalah antara tiga buah negeri yang mempunyai bilangan kawasan parlimen yang besar. Kekuatan BN berjaya membentuk kerajaan pusat dalam pilihanraya umum ke-13, 2013 adalah kerana sumbangan besar jumlah parlimen daripada tiga buah negeri ini. Keadaan berubah apabila tiga buah negeri ini telah berubah dalam pilihanraya umum ke-14 kepada berpihak kepada parti-parti politik bukan BN. Kemenangan besar anggota parlimen Pakatan Harapan menyumbang kepada kemenangan PH secara keseluruhan dan kegagalan BN mempertahankan kuasa kerajaan pusat. Kedudukan tiga buah negeri ini dilihat penting dalam menentukan parti politik manakah yang akan menguasai kerajaan pusat.

## Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai 3 objektif utama iaitu:

- i. Membincangkan keputusan pilihanraya peringkat parlimen secara menyeluruh dan hubungan dengan pencapaian di tiga buah negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Johor serta hubungannya proses pembentukan kerajaan pusat selepas pilihanraya umum ke-14, 2018.
- ii. Meneliti perubahan keputusan pilihanraya di peringkat parlimen dalam pilihanraya ke-13 dan ke-14 di tiga buah negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Johor.
- iii. Menganalisis sejauhmanakah perubahan keputusan yang berlaku di tiga buah negeri ini mempengaruhi parti politik yang mengusai kerajaan pusat selepas pilihanraya umum ke-14.

### **Persoalan Kajian**

- i. Mengapakah tiga buah negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Johor penting dalam hubungan pembentukan kerajaan pusat selepas pilihanraya umum ke-14, 2018?
- ii. Apakah perubahan besar keputusan yang berlaku di peringkat parlimen di tiga buah negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Johor?
- iii. Sejauhmanakah perubahan keputusan yang berlaku di tiga buah negeri ini mempengaruhi dan mempunyai hubungan dengan parti politik yang mengusai kerajaan pusat selepas pilihanraya umum ke-14?

### **Skop Kajian**

Keputusan pilihanraya umum ke-13, 2013 dan pilihanraya umum ke-14, 2018 di negeri Sabah, Sarawak dan Johor di peringkat parlimen dan kesan kepada pembentukan kerajaan pusat. Keputusan yang digunakan adalah keputusan yang dikeluarkan sebaik sahaja selepas pilihanraya umum ke-14, dan bukannya kepada perubahan anggota yang berlaku setelah berlakunya perubahan anggota parlimen parti-parti politik akibat daripada lompat keluar parti selepas beberapa tempoh masa selepas keputusan pilihanraya dikeluarkan.

### **Metod Kajian**

Kajian ini menggunakan data-data sekunder daripada akhbar-akhbar utama, buku-buku berkaitan politik dan pilihanraya, majalah-majalah semasa dan sumber-sumber daripada internet.

### **Keputusan Parlimen Pilihanraya Umum ke-13, Mei 2013**

Pilihanraya umum ke-13 yang diadakan pada Mei 2013 dengan kemenangan tipis BN. Parti-parti komponen BN mendapat 133 kerusi parlimen dan Pakatan Rakyat<sup>i</sup> mendapat 89 kerusi parlimen. Keputusan ini adalah proses kemerosotan berterusan parti-parti komponen BN iaitu daripada 140 kerusi dalam pilihanraya umum ke-12, Mac 2008 kepada 133 kerusi dalam pilihanraya umum ke-13 iaitu penurunan sebanyak 7 kerusi parlimen. Dalam masa yang sama berlaku peningkatan parti politik bukan BN (iaitu Pakatan Rakyat) iaitu daripada 82 kerusi parlimen pilihanraya tahun 2008 kepada 89 kerusi iaitu penambahan sebanyak tujuh kerusi.<sup>ii</sup>

Daripada bilangan angka kerusi parlimen dilihat angka yang kecil iaitu hanya tujuh kerusi parlimen, tetapi terdapat perubahan besar berlaku dalam arah peralihan dan pola pengundian. Beberapa perubahan besar telah berlaku dalam pola pengundian pengundi di seluruh negara sejak tahun 2008, khususnya dalam pilihanraya umum ke-13, 2013.<sup>iii</sup> Terdapat banyak kerusi-kerusi BN yang telah dirampas oleh parti-parti Pakatan Rakyat. Setengah daripada kerusi parlimen BN yang selama ini menang dengan majoriti besar hanya berjaya mengekalkan dengan majoriti yang kecil sahaja. Undi popular PR berjumlah 5,623,984 iaitu 50.67 peratus manakala undi popular BN hanya berjumlah 5,237,699 iaitu 47.38 peratus sahaja, iaitu peratusan yang lebih kecil daripada apa yang diperolehi oleh PR. Ini adalah satu perubahan besar yang berlaku dalam politik dan pilihanraya umum di Malaysia. Kedudukan terperinci

kerusi parlimen yang dimenangi oleh anggota BN adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Keputusan Parti-Parti Politik Komponen BN: Keputusan PRU Ke-13, 2013 Dan Perbandingan Dengan PRU Ke-12, 2008**

Parti Politik	Kerusi parlimen yang dimenangi dalam PRU ke-13	Pencapaian dalam PRU ke-12	Peningkatan atau Kemerosotan
<b>BN</b>	<b>133</b>	<b>140</b>	<b>Merosot 7 kerusi</b>
UMNO	88	79	<b>Meningkat 9</b>
MCA	7	15	Merosot 8
MIC	4	3	<b>Meningkat 1</b>
PBB	14	14	<b>Kekal</b>
Gerakan	1	2	Merosot 1
SUPP	1	6	Merosot 5
PBS	4	3	<b>Meningkat 1</b>
PRS	6	6	<b>Kekal</b>
SPDP	4	4	<b>Kekal</b>
UPKO	3	4	Merosot 1
LDP	0	1	Merosot 1
PBRS	1	1	<b>Kekal</b>

Sumber: *Berita Harian*, Keputusan Penuh PRU-13, Selasa 7 Mei 2013, hal. 20-21 (disesuaikan)

Secara keseluruhannya parti-parti politik komponen BN merosot daripada 140 kerusi dalam PRU ke-12 menurun kepada 133 kerusi dalam PRU ke-13, iaitu kemerosotan sebanyak 7 kerusi. UMNO mendominasi parti komponen dengan 88 kerusi iaitu peningkatan sebanyak 9 kerusi. Kemerosotan BN daripada 140 kepada 133 ini mempunyai hubungan dengan perubahan pola pengundian pengundi kaum Cina yang menolak parti-parti komponen BN yang mewakili kaum Cina. Parti MCA dan SUPP mengalami kekalahan besar. MCA mengalami kemerosotan sebanyak 7 kerusi iaitu daripada 15 kerusi dalam PRU ke-12 hanya kepada 7 kerusi sahaja dalam PRU ke-13. Kebanyakan kerusi MCA ini dirampas oleh DAP dan juga oleh calon PKR kaum Cina. Keadaan yang sama berlaku pada parti SUPP yang mewakili kaum Cina di Sarawak di mana mampu bertahan hanya satu kerusi parlimen sahaja.<sup>iv</sup> Lima kerusi parlimen yang ditandingi di kawasan majoriti pengundi kaum Cina dikalahkan oleh calon PR, khususnya daripada calon DAP. Keputusan parti-parti politik di bawah PR iaitu PKR, PAS dan DAP dapat dilihat dalam jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Keputusan Parti-Parti Politik Pakatan Rakyat 2013: Perbandingan dengan Pencapaian dalam PRU ke-12, 2008**

Parti Politik	Keputusan PRU ke-13	PRU ke-12, 2008	Peningkatan/Kemerosotan
<b>PR</b>	<b>89</b>	<b>82</b>	<b>Meningkat 7</b>
PKR	30	31	Merosot 1
PAS	21	23	Merosot 2
DAP	38	28	Meningkat 10

Sumber: *Berita Harian*, Isnin 10 Mac 2008, hal. 24 dan 25; dan *Berita Harian*, Keputusan penuh Pilihanraya, Selasa 7 Mei 2013, hal. 20 dan 21 (disesuaikan)

Secara umumnya PR mengalami peningkatan sebanyak 7 kerusi iaitu daripada 82 kerusi dalam PRU ke-12, 2008 meningkat kepada 89 kerusi dalam PRU ke-13, 2013. Peningkatan besar dicapai oleh DAP iaitu dengan peningkatan sebanyak 10 kerusi parliment iaitu dari 28 dalam PRU ke-12 kepada 38 kerusi dalam PRU ke-13, 2013. Kebanyakan kerusi pertambahan yang dimenangi DAP ini adalah daripada kawasan majoriti pengundi kaum Cina yang sebelum ini di kuasai oleh calon daripada MCA, SUPP atau Gerakan. Calon-calon MCA, SUPP dan Gerakan yang bertanding di kawasan majoriti Cina telah mengalami kegagalan teruk. Berlaku satu trend baru pengundi kaum Cina iaitu pengundi kaum Cina telah bersatu memberi sokongan kepada parti politik bukan BN, khususnya kepada calon DAP dan PKR kaum Cina.<sup>v</sup> Calon-calon MCA yang menang seramai 7 orang itu adalah daripada kawasan campuran yang mempunyai peratus pengundi Melayu yang besar seperti Tanjung Malim, Alor Gajah, Ayer Hitam, Simpang Renggam dan seumpamanya.<sup>vi</sup> Calon-calon MCA yang bertanding di kawasan parliment majoriti pengundi kaum Cina mengalami kekalahan.

Keputusan PRU ke-13, 2013 mengikut negeri adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 di bawah. Jumlah anggota BN seramai 133 anggota disumbang dengan angka yang besar oleh beberapa buah negeri tertentu sahaja. Taburan sumbangan adalah tidak seragam, iaitu terdapat negeri yang memberi sumbangan yang besar manakala sesetengah negeri pula jumlah anggota BN yang menang adalah sangat kecil.

**Jadual 3: Keputusan Anggota Parliment, PRU ke-13, 2013 Mengikut Negeri**

Negeri	BN=1 33	PR=89	Kedudukan Meningkat/berkurang (bandingan dengan PRU ke-12, 2008)	BN-
Perlis (3)	3	0	BN kekal 3 kerusi	
Kedah (15)	0	5 PKR=4, PAS=1	BN Meningkat 6 kerusi	
Kelantan (14)	5	9, PAS=9	PR meningkat 3 kerusi	
Pahang (14)	0	4, PKR=2, PAS=1, DAP=1	<b>BN merosot 2 kerusi</b>	
Terengganu (8)	4	4, PAS=4	<b>BN merosot 3 kerusi</b>	
Pulau Pinang (13)	3	10, PKR=3, DAP=7	BN meningkat 1 kerusi	
Selangor (22)	5	17, PKR=9, PAS=4, DAP=4	BN kekal	
Johor (26)	1	5, PKR=1, DAP=4	<b>BN merosot 4 kerusi</b>	
Sarawak (31)	2	6, PKR=1, DAP=5	<b>BN merosot 5 kerusi</b>	
Sabah (25)	2	3, PKR=1, DAP=2	<b>BN merosot 2 kerusi</b>	
Wilayah Persekutuan (11+2)	4	9, PKR=4, DAP=5	BN meningkat 1 kerusi	
Negeri Sembilan (8)	5	3, PKR=1, DAP=2	BN kekal 5 kerusi	
Perak (24)	2	12, PKR=3, PAS=2, DAP=7	<b>BN merosot 1 kerusi</b>	
Melaka (6)	4	2, PKR=1, DAP=1	<b>BN merosot 1 kerusi</b>	

\*angka dalam kurungan adalah jumlah kerusi parliment setiap negeri.

Sumber: *Berita Harian*, Isnin 10 Mac 2008, hal. 24 dan 25; dan *Berita Harian*, Keputusan penuh Pilihanraya, Selasa 7 Mei 2013, hal. 20 dan 21 (disediakan)

Keputusan pilihanraya ke-13, 2013 menunjukkan BN telah mengalami kemerosotan daripada 140 kepada 133 kerusi parlimen dan peningkatan anggota parlimen PR daripada 82 kepada 89 anggota. BN telah mengalami kemerosotan, secara bandingan dengan PRU ke-12, 2008 di tujuh buah negeri iaitu di negeri Pahang, Terengganu, Johor, Sarawak, Sabah, Perak dan Melaka. Dalam masa yang sama PR mengalami peningkatan di negeri-negeri yang dinyatakan di atas.<sup>vii</sup>

Empat buah negeri yang memberi sumbangan besar kepada pengekalan BN sebagai kerajaan pusat adalah Sarawak, Sabah, Johor dan juga Kedah. Empat buah negeri ini menyumbang sebanyak 78 kerusi parlimen atau 58.65% daripada keseluruhan kerusi yang dimenangi BN sebanyak 133 kerusi. Empat buah negeri ini mempunyai peranan yang besar dalam menjamin BN terus berkuasa di peringkat pusat. Sumbangan daripada negeri Perak dan Selangor iaitu dua buah negeri yang mempunyai bilangan kerusi parlimen yang besar sudah tidak lagi memberi sokongan yang besar kepada BN.<sup>viii</sup>

Ketika mana negeri-negeri lain telah berlaku perubahan sokongan tehadap calon-calon BN, empat buah negeri yang disebutkan di atas (iaitu Sabah, Sarawak, Johor dan Kedah) tetap memberikan sokongan yang kuat terhadap calon-calon BN.<sup>ix</sup> Tanpa sumbangan besar daripada empat buah negeri ini, BN gagal untuk mengekalkan kuasa di peringkat pusat. Sabah dan Sarawak sahaja menyumbang sebanyak 47 kerusi parlimen yang dianggap sebagai “simpanan tetap” bagi BN yang menyelamatkan BN sebagai terus berkuasa.<sup>x</sup>

Sumbangan besar daripada tiga buah negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Johor terhadap pengekalan BN sebagai kerajaan pusat selepas pilihanraya umum ke-13, 2013 adalah satu yang tidak dapat disangkal. Sebarang perubahan sokongan pengundi di tiga buah negeri ini (dengan andaian negeri lain tidak mengalami perubahan sokongan) akan mempengaruhi kedudukan BN di peringkat pusat. Perbincangan lanjut tentang permasalahan ini akan dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

#### **Keputusan Parlimen Pilihanraya Umum ke-14**

Pilihanraya umum ke-14 diadakan pada 9 Mei 2018 dan keputusannya diumumkan pada hari yang sama dan semua keputusan awal pagi 10 Mei. Keputusan PRU ke-14 adalah sangat berbeza dengan PRU ke-13 dan pilihanraya-pilihanraya sebelumnya. BN yang menguasai politik negara sejak merdeka telah mengalami kekalahan dalam PRU ke-14.<sup>xi</sup> Kerajaan pusat yang dikuasainya sejak merdeka gagal dipertahankan. BN hanya berjaya mendapat 79 kerusi parlimen dan gagal membentuk kerajaan pusat. Pakatan Harapan dan parti yang bekerjasama dengannya<sup>xii</sup> mendapat 121 kerusi parlimen. Keputusan keseluruhan pilihanraya umum ke-14 adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4 di bawah.

**Jadual 4: Keputusan Pilihanraya Umum ke-14; Parti-Parti Politik Utama**

NEGERI	BN	PH	PAS	BEBAS	Lain-lain
Perlis	3	1	-		
Kedah	2	10	3		
Kelantan	5	-	9		
Pahang	9	5	-		
Terengganu	2	-	6		

Pulau Pinang	2	11	-		
Selangor	2	20	-		
Johor	8	<b>18</b>	-		
Sarawak	19	<b>10</b>	-	2	
Sabah	10	<b>14</b>	-		1
Wilayah Persekutuan	2	10	-	1	
Negeri Sembilan	3	5	-		
Perak	11	13	-		
Melaka	2	4	-		
<b>JUMLAH</b>	<b>79</b>	<b>121</b>	<b>18</b>	<b>3</b>	<b>1</b>

Sumber: *Berita Harian*, Keputusan Penuh PRU 14, Jumaat 11 Mei 2018, hal.22 dan 23 (disesuaikan)

BN mendapat 79 kerusi parlimen iaitu merosot sebanyak 54 kerusi daripada bilangan yang diperolehi dalam pilihanraya umum ke-13, 2013. UMNO masih menjadi parti terkuat dalam komponen BN dengan mendapat 54 anggota diikuti oleh Parti PBB dari Sarawak sebanyak 13 anggota parlimen. Parti-parti lain mendapat sokongan yang sangat kecil. Angka yang lebih terperinci bagi setiap anggota komponen BN boleh dilihat melalui Jadual 5 di bawah.

**Jadual 5: Pencapaian Parti-Parti Komponen BN dalam PRU Ke-14, 2018**

PARTI POLITIK	JUMLAH KERUSI DIMENANGI	ULASAN-Perbandingan dengan PRU ke-13, 2013
UMNO	54	Merosot 34 kerusi
PBB	13	Merosot 1 kerusi
PRS	3	Merosot 3 kerusi
MIC	2	Merosot 2 kerusi
SPDP	2	Merosot 2 kerusi
MCA	1	Merosot 6 kerusi
SUPP	1	<b>Kekal</b>
UPKO	1	Merosot 2 kerusi
PBRS	1	<b>Kekal</b>
PBS	1	Merosot 3 kerusi

Sumber: *Berita Harian*, Keputusan Penuh PRU 14, Jumaat 11 Mei 2018, hal.22 dan 23; dan *Berita Harian*, Keputusan penuh Pilihanraya, Selasa 7 Mei 2013, hal. 20 dan 21 (disesuaikan)

Semua parti komponen mengalami kemerosotan dalam pilihanraya umum ke-14, 2018 dan ada yang tidak memenangi sebarang kerusi.<sup>xiii</sup> UMNO merosot sebanyak 34 buah kerusi parlimen. Dua buah negeri yang mengalami kemerosotan besar dalam mempertahankan UMNO ialah Johor dan Sabah.<sup>xiv</sup> SUPP walaupun kekal secara bandingan dengan apa yang dicapai dalam pilihanraya umum ke-13, tetapi telah kalah teruk dalam PRU ke-13. Parti ini gagal bangkit semula dan gagal bagi menarik sokongan pengundi kaum Cina Sarawak kepadanya. Begitu juga dengan MCA hanya menang satu kerusi sahaja iaitu di P. 148 Ayer Hitam Johor. Parti MCA seolah-olah telah ditolak oleh sebahagian besar pengundi kaum Cina apabila sebahagian besar calonnya mengalami kekalahan. Calon tunggal MCA, iaitu Wee Ka Siong menang di kawasan majoriti pengundi Melayu.<sup>xv</sup>

Parti-parti politik yang bekerjasama dalam Pakatan Harapan telah berjaya meningkatkan kedudukan membentuk majoriti mudah bagi membentuk kerajaan persekutuan. Pakatan

Harapan di negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu dan Sarawak sahaja telah berjaya membentuk majoriti mudah. Kerusi parlimen Pakatan Harapan sebelum dicampur dengan Parti Warisan Sabah adalah berjumlah 113 kerusi. Jumlah ini telah memadai bagi membentuk majoriti mudah iaitu 112 kerusi. Kedudukan bertambah kukuh apabila Parti Warisan Sabah pimpinan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dari Sabah yang menang sebanyak lapan kerusi digabung bersama. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 121 kerusi parlimen. Kedudukan Parti-parti politik gabungan PH adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

**Jadual 6: Kedudukan Parti-Parti Politik yang Bekerjasama Dalam Pakatan Harapan PRU-14**

PARTI POLITIK	KEPUTUSAN PRU-14	ULASAN
PKR	47	Meningkat sebanyak 17 kerusi
DAP	42	Meningkat sebanyak 9 kerusi
PBBM	13	Pertama kali bertanding, umumnya mengambil kerusi yang dimenangi UMNO sebelum ini.
AMANAH	11	Parti baru, pecahan PAS
PARTI WARISAN SABAH	8	Parti baru yang bertanding di negeri Sabah
<b>JUMLAH</b>	<b>121</b>	<b>Jumlah yang mencukupi bagi membentuk kerajaan pusat</b>

Sumber: Berita Harian, Keputusan Penuh PRU 14, Jumaat 11 Mei 2018, hal.22 dan 23 (disesuaikan)

PAS berjaya mendapat 18 kerusi parlimen. Sokongan terhadap calon-calon PAS kuat di negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah. PAS gagal memenangi sebarang kerusi parlimen negeri-negeri lain. Walaupun hanya memenangi 18 kerusi parlimen, tetapi jika berlaku pengurusan dan kerjasama dengan parti politik Melayu-Islam kemungkinan berlakunya peningkatan anggota parlimen PAS adalah besar. Jika hanya berlaku pertandingan satu lawan satu antara PAS dan PH, kemungkinan kerusi yang akan dimenangi PAS adalah meningkat di negeri Kedah, Terengganu dan Kelantan. Dalam pilihanraya umum ke-14 banyak berlaku pertandingan tiga penjuru antara PAS-BN/UMNO-anggota parti PH. Jika berlaku kerjasama politik antara PAS dan UMNO kemungkinan berlaku pertambahan kerusi PAS adalah besar.

#### **Perbezaan Keputusan Kawasan Parlimen antara Pilihanraya Umum Ke-13 dan Ke-14**

Perbezaan besar telah berlaku dalam sokongan pengundi kepada calon-calon BN. Pengundi telah beralih sokongan daripada memberikan sokongan kepada BN beralih kepada PH. Walaupun perubahan berlaku ini telah di seluruh negara sejak daripada pilihanraya umum ke-13 lagi, tetapi ianya tidak menyeluruh. Pengundi kaum Cina telah menunjukkan kecenderungan menolak BN sejak pilihanraya umum ke-12 dan lebih jelas dalam pilihanraya umum ke-13. BN akan tetap berkuasa jika tidak berlaku perubahan sokongan pengundi Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak. Sokongan pengundi Melayu dan bumiputera kepada parti-parti bukan BN tidak berlaku secara menyeluruh sebelum pilihanraya umum ke-14. Sebelum pilihanraya umum ke-14 pengundi Melayu di negeri Johor dan bumiputera di Sabah dan Sarawak masih memberikan sokongan besar kepada calon BN. Dalam pilihanraya umum ke-13 Sabah, Sarawak dan Johor masih memberikan sokongan yang besar kepada calon BN. Sabah masih menyumbang sebanyak 22 kerusi, Sarawak 25 kerusi dan Johor sebanyak 21 kerusi kepada BN pusat dalam PRU ke-13. Tiga buah negeri ini mempunyai sumbangan yang besar bagi BN terus berkuasa di peringkat persekutuan melalui PRU ke-13.

Perubahan sokongan BN yang berlaku di negeri Johor, Sabah, Sarawak dan juga Kedah telah mengubah kedudukan BN di peringkat pusat selepas PRU ke-14, 2018. BN berjaya ditumbangkan daripada terus memerintah kerajaan pusat apabila sebahagian besar pengundi daripada negeri Sabah, Sarawak, Johor (dan Kedah) tidak lagi memberikan sokongan kepada calon BN. Perubahan sokongan kepada calon-calon PH telah berlaku dalam PRU ke-14. Johor menyumbang sebanyak 18 kerusi kepada PH, Sabah 14 kerusi, Sarawak 10 kerusi dan Kedah 10 kerusi. Empat buah negeri ini menyumbang sebanyak 52 kerusi parliment kepada PH. Sumbangan sebanyak 52 kerusi ini sangat besar maknanya. Tanpa 52 kerusi ini, kerajaan pusat BN tidak berjaya ditukar kepada PH. Seandainya pengundi daripada negeri Sabah, Sarawak, Johor (dan juga Kedah) ini tetap memberikan sokongan kepada calon BN, kerajaan pusat akan tetap dikuasai oleh BN.

### Rumusan dan Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa anggota parliment dan keputusan yang dicapai di tiga buah negeri ini (dan juga Kedah) yang berubah dalam pilihanraya umum ke-14 mempunyai pengaruh yang besar terhadap perubahan kerajaan pusat. Ini kerana Sabah, Sarawak dan Johor adalah antara tiga buah negeri yang mempunyai bilangan kawasan parliment yang besar. Kekuatan BN berjaya membentuk kerajaan pusat dalam pilihanraya umum ke-13, 2013 adalah kerana sumbangan besar jumlah parliment daripada tiga buah negeri ini. Ini bukan bermakna sumbangan negeri lain seperti Selangor, Perak dan Pulau Pinang tidak penting (negeri-negeri ini telah berubah lebih awal daripada PRU ke-14). Keadaan berubah apabila tiga buah negeri telah berubah dalam pilihanraya umum ke-14 kepada berpihak kepada parti politik bukan BN. Kemenangan besar angota parliment Pakatan Harapan menyumbang kepada kemenangan PH secara keseluruhan dan kegagalan BN mempertahankan kuasa kerajaan pusat. Kedudukan tiga buah negeri ini dilihat penting dalam menentukan parti politik yang akan menguasai kerajaan pusat (dengan andaian tidak berlaku perubahan di negeri-negeri lain).

NOTA:

---

<sup>i</sup> Pakatan Rakyat adalah terdiri daripada tiga parti politik utama iaitu PKR, PAS dan DAP. PAS kemudiannya keluar daripada kerjasama politik PR kerana berlaku perselisihan dan bercanggah pendapat dengan DAP.

<sup>ii</sup> Lihat *Berita Harian*, Isnin 10 Mac 2008, hal. 24 dan 25; dan *Berita Harian*, Keputusan penuh Pilihanraya, Selasa 7 Mei 2013, hal. 20 dan 21.

<sup>iii</sup> Perubahan besar telah berlaku sejak pilihanraya umum ke-12, tahun 2008. Pola pengundi telah berubah dengan sangat besar daripada apa yang berlaku dalam pilihanraya umum ke-11, 2004. Dalam pilihanraya umum ke-11, 2004, BN menang besar bukan sahaja daripada jumlah kerusi parliment iaitu 198 daripada 222 kerusi, tetapi juga daripada undi popular dan undi majoriti yang diperolehi oleh calon-calon BN adalah besar dan selamat.

<sup>iv</sup> Satu kerusi yang dimenangi oleh calon SUPP ini adalah kawasan pengundi campuran (bukanlah kawasan parliment majoriti pengundi kaum Cina). Semua kawasan parliment majoriti kaum Cina yang ditandingi SUPP mengalami kekalahan, termasuklah presiden SUPP sendiri dikalahkan oleh seorang calon muda daripada DAP.

<sup>v</sup> Terdapat juga bukti yang pengundi kaum Cina juga memberikan sokongan kepada calon-calon daripada PR sama ada calon PAS dan PKR. Dalam masa PAS berada dalam PR ini, calon PAS mampu menang di kawasan pengundi campuran seperti di negeri Selangor yang besar peratus pengundi kaum Cinanya.

<sup>vi</sup> Banyak kawasan parliment yang mempunyai peratus pengundi Melayu yang besar, BN meletakkan calon daripada MCA atau Gerakan seperti P. 135 Alor Gajah (58.5% pengundi Melayu), P. 77 Tanjong Malim (53.5% Melayu), P. 148 Ayer Hitam (57.9% Melayu) dan P. 151 Simpang Renggam (56.8% Melayu).

---

<sup>vii</sup> Peningkatan secara terperinci iaitu berapa jumlah kerusi yang meningkat bagi kedua-dua pihak parti politik, sila teliti jadual 3 di atas.

<sup>viii</sup> Negeri Perak dan Selangor juga mempunyai jumlah kerusi parlimen yang besar iaitu masing-masing 24 dan 22 kerusi parlimen. Sejak pilihanraya umum ke-12, 2008 pencapaian BN di dua negeri ini telah sangat merosot, khususnya di Negeri Selangor. Dalam pilihanraya umum ke-12, 2008 dan ke-13, 2013 BN hanya berjaya memenangi sebanyak lima kerusi parlimen sahaja di negeri Selangor. Selebihnya di kuasai oleh Pakatan Rakyat, sedangkan dalam pilihanraya ke-11, 2004 dan dalam pilihanraya-pilihanraya sebelumnya, Selangor dan Perak memberi sumbangan yang besar kepada pembentukan kerajaan pusat BN.

<sup>ix</sup> Walaupun Kedah menyumbang sebanyak 10 kerusi parlimen dalam pilihanraya umum ke-13, tetapi dianggap satu jumlah yang besar ( iaitu 66.7%) daripada keseluruhan 15 kawasan parlimen.

<sup>x</sup> Sabah dan Sarawak menyumbang sebanyak 35.34 % (47 anggota parlimen) daripada keseluruhan 133 anggota BN. Wajarlah jika dikatakan sebagai “simpanan tetap” kerana walaupun negeri lain telah berubah sokongan, dua buah negeri ini tetap tidak banyak berubah dan terus memberi sumbangan yang besar. 47 anggota ini hampir sama dengan jumlah anggota parlimen BN daripada negeri Perlis, Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Labuan dan PutraJaya), Negeri Sembilan dan Melaka (semua sembilan buah negeri ini hanya berjumlah 43 anggota parlimen sahaja).

<sup>xi</sup> Sebelum pilihanraya umum 1974, BN dikenali sebagai Parti Perikatan. Mulai tahun 1974 gabungan yang lebih besar dibentuk oleh Tun Abdul Razak. Simbolnya ditukar daripada kapal layar kepada dacing dengan latarbelaknag warna yang sama iaitu warna biru.

<sup>xii</sup> Parti Warisan Sabah pimpinan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berjaya mendapat lapan kerusi parlimen dari negeri Sabah. Sebagai sebuah parti politik yang baru kemenangan lapan kerusi adalah satu kemenangan besar. Calon-calon parti warisan Berjaya mengalahkan tokoh-tokoh besar daripada BN, khususnya UMNO seperti Datuk Abdul Rahman Dahlan, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak dan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin. Calon BN yang menang tidak mendapat majoriti besar seperti dalam pilihanraya sebelum ini. Misalnya Datuk Seri Anifah Aman menang di P.176 Kimanis hanya dengan hanya 156 undi setelah beberapa kali kiraan undi dibuat.

<sup>xiii</sup> Parti Gerakan tidak memenangi sebarang kerusi, apabila kedua-dua calonnya dikalahkan.

<sup>xiv</sup> Lihat Jadual 4 di atas dan bandingkan dengan apa yang dicapai oleh dua buah negeri ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3. Johor dan Sabah adalah penyumbang besar kepada pencapaian UMNO dalam pilihanraya umum ke-13, 2013.

<sup>xv</sup> Kawasan parlimen P. 148 Ayer Hitam adalah terdiri daripada 57.84 peratus pengundi Melayu. Pengundi kaum Cina hanya 39.16 peratus sahaja. Timbalan Presiden MCA itu menang dengan majoriti kecil 303 undi sahaja. Maklumat penuh mengenai keputusan sila lihat *Berita Harian*, Jumaat 11 Mei 2018, hal. 35.